

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.  
BILANGAN 2/1978.**

---

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.

Tuan,

Permohonan Pecah Sempadan/Bahagian Untuk Projek Perumahan.

Adalah didapati permohonan-permohonan pecah sempadan/bahagian yang diterima oleh Pejabat-pejabat Tanah diedar kepada Jumaah Bandaran yang berkenaan untuk mendapat pandangannya bagi tanah-tanah yang terletak dalam kawasan Jumaah Bandaran sahaja. Tanah-tanah dirujuk kepada mana-mana jabatan untuk mendapat pandangannya.

2. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri, Terengganu telah mengemukakan kesulitan yang dihadapi olehnya, khususnya dalam segi pembinaan jalan dan pembekalan air ke kawasan-kawasan perumahan yang mana permohonan perumahan atau permohonan pecah sempadan/bahagian telah tidak dirujukkan kepadanya. Setakat ini hanya tanah-tanah yang letaknya dalam lingkungan Jumaah Bandaran sahaja yang dapat dikaji oleh pihak Jabatan Kerja Raya kerana permohonan seumpama itu dirujukkan kepada Jumaah Bandaran yang mana Pengarah/wakil Jabatan Kerja Raya adalah menjadi ahli Jumaah Bandaran yang dilantik di bawah Seksyen 3(1) (b) Enakmen Bandaran Terengganu Bil. 12/1355.

3. Oleh yang demikian, untuk mengatasi kesulitan yang berlaku, Pemungut Hasil tanah adalah diminta supaya mengedarkan kepada Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri/Jurutera Kerja, Jabatan Kerja Raya Daerah yang berkenaan semua permohonan-permohonan projek perumahan atau permohonan-permohonan pecah sempadan/bahagian yang melibatkan pembinaan jalan untuk mendapat pandangannya sebelum permohonan tersebut dapat dipertimbangkan.

t.t.  
 ( DATO' LELA JASA )  
 Pengarah Tanah dan Gallan,  
 Terengganu.

Bil. (28) dlm. PTG. TR. 13/66/1 (SEM)

s.k.  
 Yang Berhormat,  
 Setiausaha Kerajaan, Terengganu.

Pengarah,  
 Jabatan Kerja Raya, Terengganu.

Jurutera Kerja,  
 Jabatan Kerja Raya Daerah, Terengganu.

Kuala Terengganu, 2hb. April, 1978.

